



## KENYATAAN MEDIA

### KAJIAN INDEKS BELIA NEGERI SARAWAK

---

1. **Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)**, sebuah agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama **Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak** sedang melakukan Kajian Indeks Belia Negeri Sarawak. Kajian ini **telah bermula pada bulan Ogos 2018 dan dijangka siap pada bulan Mei 2019**.
2. Pelaksanaan kajian ini adalah bertujuan **untuk mengukur tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia** di negeri Sarawak sehingga ke peringkat daerah **yang melibatkan 12 domain iaitu Pembangunan Kendiri, Hubungan Sosial, Identiti, Potensi Diri, Kesihatan, Pendidikan, Ekonomi, Keselamatan, Sosialisasi Politik, Ketembusan Media, Waktu Senggang serta Tingkah Laku Devian**.
3. Pembentukan indeks ini akan **memberi panduan** kepada semua pemegang taruh termasuk pekerja belia **untuk mengenal pasti bidang tumpuan** yang memerlukan **penambahbaikan** bagi memastikan ia **memberi impak yang positif** terhadap kualiti dan kehidupan belia di Negeri Sarawak. Di samping itu, mereka juga boleh merangka, merancang serta melaksana program-program yang bersesuaian berdasarkan dapatan daripada Indeks Belia Sarawak.
4. Seramai **517 enumerator, 4 pegawai Penyelaras Negeri, dan 24 Pegawai Perhubungan Bahagian** terlibat dalam membantu melaksanakan proses pengumpulan data melalui pengedaran soal selidik kepada **13,870 responden belia Sarawak (15 tahun hingga 30 tahun)** meliputi **12 bahagian dan 31 daerah** di seluruh Negeri Sarawak.

5. IYRES yakin melalui penghasilan Indeks Belia Sarawak dapat **dijadikan asas dalam perencanaan pelbagai program dan aktiviti pembangunan belia dengan lebih tepat dan komprehensif** melibatkan pelaksanaan di peringkat negeri dan juga daerah di Sarawak.

6. **Dapatan penyelidikan oleh IYRES ini** diharapkan dapat meningkatkan pembangunan Belia Negeri Sarawak dari aspek:

- i- Menyediakan penanda aras bagi mengukur tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Negeri Sarawak.
- ii- Menyediakan input bagi pembentukan atau penggubalan polisi serta dasar pembangunan belia khususnya di peringkat negeri dan daerah di Sarawak.
- iii- Memandu pembentukan pelan tindakan bagi meningkatkan tahap kualiti dan kesejahteraan hidup belia Negeri Sarawak.
- iv- Memberi input dalam membangunkan Dasar Belia Negeri Sarawak.
- v- Sebagai indikator bagi mengukur pencapaian Dasar Belia Malaysia (DBM).

Sekian, terima kasih.

#### **Unit Perhubungan Awam IYRES**

Siti Nur Hidayah binti Ismail  
+6011-3256 2166  
[sitnurhidayah@iyres.gov.my](mailto:sitnurhidayah@iyres.gov.my)

Muhammad Hadi Muhammad Nafis  
+6013-292 1603  
[hadi@iyres.gov.my](mailto:hadi@iyres.gov.my)

INSTITUTE FOR  
YOUTH RESEARCH  
MALAYSIA